

# Dr. Mahathir tulis surat kepada pemimpin dunia bantu Palestin

UM 23 SEP 2002

Daripada  
AHMAD ABDUL HAMID

COPENGAHEN 22 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menulis surat kepada beberapa pemimpin dunia termasuk Presiden George Bush dan Presiden Perancis, Jacques Chirac serta Canselor Jerman, Gerhard Schroeder bagi meminta campur tangan mereka menangani isu Palestin yang kini semakin memburuk.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu wartawan Malaysia lewat petang ini, surat tersebut telah pun dihantar tetapi tidak memberitahu bila dan apa isi kandungannya.

Beliau memberitahu, Perdana Menteri

amat mengambil berat mengenai keadaan di Palestin sekarang apabila tentera Israel mengepung Arafat bersama-sama kira-kira 100 penyokongnya di bangunan pentadbiran yang separuh musnah.

Syed Hamid berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keempat (ASEM4) di ibu kota Denmark ini mulai esok.

Dr. Mahathir yang tiba ke sini hari ini akan mengetuai Malaysia ke sidang tersebut yang mengumpulkan para pemimpin 10 negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah (EU).

Menurut Syed Hamid, selain mengirim surat tersebut, Perdana Menteri juga akan menggunakan kesempatan pada sidang

ASEM ini untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan para pemimpin Eropah bagi membincangkan isu Palestin itu.

Antaranya beliau dijangka mengadakan pertemuan dua hala dengan Chirac dan Perdana Menteri Itali, Servio Berlusconi.

Semalam Perdana Menteri memberitahu wartawan di London, Presiden Yasser Arafat telah menelefon beliau dari tempat beliau dikepung di Tebing Barat meminta bantuan sebelum Perdana Menteri berlepas ke sini untuk menghadiri ASEM4.

Beliau juga mengulangi gesaan kepada negara-negara Barat sebelum ini supaya mengkaji punca keganasan dan tidak hanya

■ Lihat muka 9

## Dr. Mahathir tulis surat kepada pemimpin dunia bantu Palestin

bercakap mengenai meningkatkan langkah-langkah keselamatan.

Sementara itu bercakap kepada wartawan malam tadi, Syed Hamid memberitahu, isu Palestin dan Iraq dijangka menjadi antara topik perbincangan dalam persidangan ASEM4 yang bermula esok.

Beliau menyifatkan isu Iraq dan keganasan di Palestin sebagai amat penting dan tidak dapat diketepikan

begitu sahaja oleh para pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak tersebut.

Sehubungan itu beliau sekali lagi mengulangi pendirian Malaysia bahawa sebarang usaha untuk menghapuskan keganasan mestilah dengan mencari punca keganasan itu bagi membolehkan masalah itu diatasi dengan berkesan.

Beliau juga menegaskan, isu Pales-

tin yang sehingga kini masih berlari-tan dan semakin memburuk perlu dicari jalan penyelesaian.

"Israel tidak mematuhi 28 resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Apa yang perlu dibuat?" katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia telah pun menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin Amerika melalui perbincangan-perbincangan sebe-

lum ini mengenai kebimbangan Malaysia bahawa fokus terhadap isu Iraq akan menyebabkan isu keganasan lain seperti yang berlaku di Palestin akan diabaikan.

Berhubung isu Iraq, Syed Hamid berkata, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mestilah diberi peluang menangani isu Iraq dan jika tidak berjaya barulah tindakan secara multilateral diambil.